

Masalah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah dan penyelesaian masalah melalui kaedah Hermeneutik**

[Problems in teaching and learning of Moral Education in secondary schools and solutions through Hermeneutics method]

Suppiah Nachiappan^{*1}, Barathy Sinnasamy² and Sandra Suffian³
^{1&3}*Sultan Idris Education University, Malaysia*, ²*S.M.K. Sungkai, Sungkai, Perak*

Received: 4 May 2017; Accepted: 28 November 2017; Published: 4 December 2017

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti masalah sebenar yang dihadapi oleh guru-guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral dan cara-cara bagi mengatasi masalah tersebut. Soal selidik diedarkan kepada 6 responden yang merupakan guru mata pelajaran Pendidikan Moral di beberapa buah sekolah menengah di sekitar daerah Batang Padang. Dapatan kajian dianalisis secara kualitatif menggunakan kaedah Hermeneutik. Hasil kajian mendapati masalah utama yang dihadapi oleh guru adalah ketika pelajar tidak dapat mengaitkan nilai yang dipelajari dengan keadaan sebenar, guru-guru gagal dalam menguasai penyampaian pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral serta kekurangan bahan bantu mengajar. Dapatan kajian menunjukkan masalah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral dapat diatasi sekiranya guru-guru mengambil inisiatif mempelbagaikan kaedah bagi menarik minat pelajar. Kementerian Pendidikan Malaysia dan pihak sekolah perlu memberi sokongan dalam mengorganisasi program khas, seminar dan kursus kepada guru, meningkatkan kelengkapan bahan bantu mengajar agar menjayakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral.

Kata Kunci: Pendidikan Moral, kaedah Hermeneutik, masalah dalam pengajaran dan pembelajaran

Pendahuluan

Pendidikan Moral diperkenalkan pada tahun 1983 sebagai subjek teras dalam pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah dan selesai dilaksanakan pada tahun 1988. Kemerosotan nilai moral dan peningkatan masalah sosial dalam kalangan remaja merupakan salah satu rasional subjek ini diperkenalkan. Dalam pengenalan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Pendidikan Moral diajar secara berperingkat di sekolah menengah pada tahun

* Email: suppiah@fpm.upsi.edu.my

** Abstract in English is found in page 68

1989 (Vishalache, 2010). Matlamat Kurikulum Pendidikan Moral adalah membentuk insan yang berakhlak mulia, bertanggungjawab, berintegriti dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global. Subjek ini juga menjadi platform terbaik untuk memupuk perpaduan dan menjalinkan hubungan yang baik dalam kalangan pelajar sejak kecil lagi (Nur Munirah, Chua, & Abdul Pabil, 2016).

Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral melibatkan aspek intelek, afektif dan tingkah laku di dalam bilik darjah. Aspek- aspek ini penting untuk mencapai tahap kematangan moral individu dan membantu pelajar untuk mengenali, memahami dan melakukan sesuatu tingkah laku yang bermoral (Vishalache, 2002). Tumpuan pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Moral adalah mengkaitkan situasi atau isu-isu di dalam negara mahupun di luar negara agar membantu pelajar dalam menghadapi konflik moral berdasarkan kepada nilai dan prinsip moral yang dipelajari. PdP akan lebih efektif sekiranya guru mengkaitkan peristiwa sebenar dengan kehidupan manusia (Liau et al., 2003). Proses pengajaran Pendidikan Moral ialah penyebaran ilmu pengetahuan dan kemahiran oleh guru. Keberkesanan pengajaran diukur berdasarkan sejauh mana objektif pengajaran dan hasil pembelajaran dicapai dalam membantu pelajar memahami kandungan pembelajaran. Justeru, guru memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah. Perancangan PdP guru Pendidikan Moral harus meningkatkan keinginan pelajar untuk menerokai pengetahuan baharu dan mengaplikasikan nilai terhadap keadaan sebenar.

Sorotan kajian

Hasil kajian Kalaiselvi, Nur Surayyah dan Umi Kalthom (2015) menunjukkan bahawa pengetahuan kandungan bagi guru cemerlang Pendidikan Moral adalah sangat penting bagi mencapai objektif sesuatu proses pengajaran dan memainkan peranan dalam perkembangan moral pelajar. Guru harus menguasai konsep asas moral, konsep utama dan isi kandungan Pendidikan Moral sebelum mengajar pelajar. Penguasaan aspek kandungan sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru tidak boleh mengajar sembarangan tanpa menguasai pengetahuan kandungan. Pengajaran guru yang hanya mempunyai asas pengetahuan tetapi tidak menguasai pengetahuan tidak akan berkesan. Oleh hal demikian, guru Pendidikan Moral harus menguasai kandungan Pendidikan Moral untuk memotivasi diri ketika proses pengajaran.

Kajian Vishalache (2007) mendapati penggunaan dilema kehidupan sebenar dalam pengajaran Pendidikan Moral menggalakkan perkembangan moral pelajar. Pelajar akan berfikir secara matang sebelum memberi pendapat kerana isu atau topik yang dibincangkan adalah sebahagian dari kehidupan mereka. Penggunaan dilema kehidupan sebenar menggalakkan pelajar mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan kumpulan dengan memberi pendapat dengan lebih yakin dan berani. Guru harus mengaitkan nilai dengan masalah yang dibincangkan supaya pelajar mempelajari mata pelajaran ini dengan lebih minat dan sensitif.

Nadarajan dan Vishalache (2014) mendapati bahawa teater forum merupakan satu teknik pengajaran dan pembelajaran yang interaktif dalam Pendidikan Moral di sekolah menengah dengan mengembangkan aspek penaaakulan moral, emosi moral dan amalan moral. Empat langkah dalam teater forum, iaitu mengembangkan skrip, lakonan anti-model, sesi forum dan intervensi dapat menarik minat pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran. Teknik ini membantu pelajar mempelajari cara untuk berfikir, merasai dan bertindak seperti orang lain. Teknik pengajaran mendorong pelajar terlibat secara kognitif, mengkaji sesuatu masalah moral secara kritis dan mencari jalan penyelesaian.

Vishalache (2010) dalam kajiannya membincangkan faktor yang mempengaruhi perkembangan Pendidikan Moral dan peranan yang dimainkan oleh pihak tertentu dalam menghadapi cabaran pengajaran dan pembelajaran. Faktor yang melibatkan guru, kaedah pengajaran, persepsi pelajar, sokongan ibu bapa, sumbangan masyarakat dan peranan kerajaan menggalakkan implementasi Pendidikan Moral di sekolah. Menurut beliau, perubahan dalam perhubungan interpersonal dan intrapersonal pelajar akan mewujudkan isu dan cabaran yang perlu dihadapi dengan rasional tanpa mengetepikan budaya, tradisi dan agama.

Menurut Abdul Rasid dan Arbaie (2001), guru lebih kreatif dalam menyampaikan pengajaran. Oleh sebab pengajaran adalah suatu proses menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar, guru-guru perlu memilih bahan bantu mengajar yang sesuai bagi menghasilkan pengajaran yang berkesan. Guru-guru perlu memilih aspek kreatif dalam menyediakan atau memilih bahan pengajaran yang sesuai untuk mencungkil minda pelajar. Oleh itu, guru-guru perlu merancang untuk memilih bahan pengajaran yang sesuai bagi mewujudkan suasana yang kondusif serta dapat menarik minat pelajar. Kajian Ogoma, Daniel, Alaiyemolo dan Anne (2015) menunjukkan bahawa cara mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral di Nigeria adalah cabaran yang paling besar. Pengajaran moral adalah berbeza dengan membimbing atau membentuk moral pelajar. Pengajaran akan lebih berkesan jika guru menggunakan contoh-contoh yang bersesuaian. Guru mungkin dapat mengajar konsep dan teori moral dengan berkesan. Jika pelajar tidak mempraktikkan pengajaran dalam kehidupan seharian, bermakna matlamat guru tidak tercapai.

Kerajaan Nigeria menggalakkan pelajar untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang sains dengan memberi tawaran 60% kepada aliran sains dan 40% kepada aliran kemanusiaan. Oleh itu, bilangan pelajar aliran sains melebihi pelajar aliran kemanusiaan. Hal ini menyebabkan kekurangan guru dalam mengajar Pendidikan Moral di sekolah. Kekurangan bahan pengajaran seperti buku teks tidak mencukupi di sekolah rendah dan di sekolah menengah. Kajian Gary, Richard dan Matthew (2009) mendapati bahawa guru memainkan peranan penting dalam menerapkan nilai-nilai moral dalam kalangan pelajar. Perwatakan guru mempengaruhi tingkah laku pelajar. Pelajar menjadikan guru sebagai *role model*. Pelajar juga menghabiskan kebanyakan masa di sekolah bersama guru. Oleh itu, guru harus menjadi seorang yang baik dan benar serta membimbing pelajar cara-cara untuk menjadi pelajar yang baik.

Pernyataan masalah

Pelbagai masalah dan cabaran wujud dalam melaksanakan PdP mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah. Mata pelajaran Pendidikan Moral memerlukan pelbagai kaedah dan teknik untuk menyampaikan pengajaran. Namun, pengajaran guru lebih memberi tumpuan terhadap peperiksaan SPM. Kebanyakan guru meminta pelajar menghafal nilai yang terdapat dalam sukatan pelajaran tanpa memberi penekanan keperluan nilai dalam kehidupan pelajar. Guru juga memberitahu pelajar bahawa jika tidak menghafal nilai, mereka akan gagal dalam peperiksaan (See Tho, 2008). Kaedah ini mendorong pelajar mengalami kebosanan terhadap mata pelajaran Pendidikan Moral. Menurut Vishalache (2002), pelajar beranggapan bahawa Pendidikan Moral merugikan masa dan tidak penting.

Keberkesanan PdP bergantung kepada pengetahuan dan kefahaman guru. Pendidikan Moral di sekolah, kebanyakannya diajar oleh guru bukan opsyen. Sikap pihak pentadbiran sekolah beranggapan mata pelajaran Pendidikan Moral tidak penting menyebabkan guru yang mengajar Pendidikan Moral berbeza bagi setiap tahun. Guru-guru bukan opsyen mengajar Pendidikan Moral sekadar memenuhi waktu mengajar. Menurut Abdul Rahman Aroff (1986), sekiranya guru tidak tahu pengertian moral, maka dia tidak dapat mengajar Pendidikan Moral.

Kekurangan guru untuk mengajar setiap kelas dan waktu Pendidikan Moral selaras dengan waktu pendidikan Islam menyebabkan kewujudan kelas gabungan. Pengajaran guru lebih kepada kaedah tradisional, iaitu *chalk and talk* kerana saiz bilik darjah yang tidak sesuai. Kaedah ini mendorong pelajar berasa bosan dan tidak bermotivasi untuk mempelajari Pendidikan Moral. Guru tidak dapat menjalankan aktiviti kerana ruang kelas yang tidak mencukupi. Sikap dan minat pelajar penting bagi keberkesanan PdP Pendidikan Moral. Pelajar berasa bosan dan kurang minat untuk mempelajari Pendidikan Moral. Guru mengajar dan mengulangi benda yang sama bagi setiap tahun.

Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di Sekolah Menengah Kebangsaan di kawasan daerah Batang Padang, Perak.
- ii. Mengenal pasti cara-cara mengatasi masalah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di Sekolah Menengah Kebangsaan di kawasan daerah Batang Padang, Perak.

Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk deskriptif, iaitu kaedah Hermeneutik. Kaedah ini digunakan untuk menginterpretasikan teks soal selidik bagi mengkaji dan menganalisis masalah yang dihadapi oleh guru dalam proses PdP Pendidikan Moral di Sekolah Menengah Kebangsaan. Mengikut kaedah Hermeneutik, soal selidik guru merupakan teks dan hasil selepas menginterpretasi teks adalah metateks. Metateks merujuk kepada teks baharu yang lebih jelas diwujudkan setelah memahami teks secara lebih mendalam. Metateks ialah teks kedua yang diperoleh daripada teks asal (Suppiah, 2016). Dalam kajian ini, metateks ialah hasil interpretasi yang dibuat terhadap soal selidik yang mengandungi penjelasan terhadap makna yang dicari dalam teks.

Kajian ini akan melibatkan guru-guru Pendidikan Moral di beberapa buah Sekolah Menengah Daerah Batang Padang, Perak. Tempat kajian ini dipilih kerana bersesuaian dengan permasalahan dan terdapat subjek dan responden yang sesuai untuk menjawab soalan kajian. Menurut Sidek (2002), dalam kajian seseorang penyelidik mestilah menentukan prosedur persampelan dan saiz sampel yang hendak digunakan. Justeru, penyelidik memutuskan saiz populasi kajian ini ialah seramai 6 orang guru akademik biasa. Tiada pemilihan sampel dijalankan disebabkan saiz populasi yang kecil, iaitu seramai 6 orang guru.

Dapatan Kajian

Berdasarkan kepada teks asal yang telah diinterpretasikan dengan menggunakan Analisis Hermeneutik, penyelidik dapat meninjau masalah-masalah yang ketara yang dihadapi oleh guru-guru Pendidikan Moral dan cara-cara guru menangani masalah PdP Pendidikan Moral di sekolah menengah. Jadual 1 menunjukkan masalah-masalah yang dihadapi oleh guru Pendidikan Moral Sekolah Menengah

Jadual 1. Masalah-masalah yang dihadapi oleh guru Pendidikan Moral Sekolah Menengah

Masalah-masalah yang dihadapi guru Pendidikan Moral	Masalah-masalah yang dihadapi oleh guru yang dikaji (jawapan responden)						Jumlah
	R1	R2	R3	R4	R5	R6	
1. Pelajar lemah tidak dapat mengaitkan nilai dengan keadaan sebenar	/	/	/	/		/	5
2. Kekurangan bahan bantu mengajar		/	/	/		/	4
3. Guru tidak menguasai penyampaian pengajaran	/		/	/	/	/	4
4. Pelajar kurang berminat	/		/	/			3
5. Pelajar gagal memberi penerangan tentang isu-isu moral	/	/	/				3
6. Masalah penguasaan bahasa	/	/				/	3
7. Guru bukan opsyen mengajar Pendidikan Moral	/					/	2
8. Pelajar tidak memahami dan menguasai nilai-nilai	/	/					2
9. Pengaruh bahasa ibunda					/	/	2
10. Sikap pelajar tidak mementingkan Pendidikan Moral		/	/				2
11. Pelajar tidak memberi tumpuan	/			/			2
12. Kekurangan guru opsyen Pendidikan Moral			/		/		2
13. Kurang bahan rujukan untuk guru			/				1
14. Suasana bilik darjah tidak selesa			/				1

Menurut Jadual 1 terdapat empat belas masalah yang dihadapi oleh guru-guru Pendidikan Moral dalam PdP di sekolah menengah. Penyelidik mendapati bahawa masalah yang ketara dihadapi oleh guru dalam PdP Pendidikan Moral di sekolah menengah ialah pelajar tidak dapat mengaitkan dan mengaplikasikan nilai dengan keadaan sebenar. Sebanyak lima orang responden menyatakan masalah ini. Pelajar tidak mempunyai kemahiran untuk menterjemahkan nilai yang dipelajari dengan persekitaraan. Seterusnya, dapatan juga menunjukkan seramai empat orang guru mengalami masalah kekurangan bahan bantu mengajar. Guru menghadapi masalah untuk menyediakan bahan bantu mengajar dalam masa yang singkat. Di sekolah kurang mempunyai bahan bantu mengajar yang menarik. Sebanyak empat orang guru tidak menguasai penyampaian pengajaran. Guru-guru agak lemah dalam menguasai penyampaian pengajaran yang berkesan bagi mata pelajaran Pendidikan Moral kerana tiada pengalaman dan kurang pendedahan terhadap mata pelajaran dan kaedah-kaedah penyampaian pengajaran yang berkesan.

Masalah penguasaan bahasa menyebabkan pelajar sukar memahami kehendak soalan. Pelajar tidak dapat bertutur dan memahami apa yang cuba disampaikan oleh guru. Pelajar kurang berminat terhadap Pendidikan Moral kerana beranggapan tidak penting untuk peperiksaan. Pelajar lemah gagal memberi penerangan tentang isu-isu moral. Masalah-masalah ini dihadapi oleh seramai tiga orang responden. Selain daripada itu, seramai 2 orang responden menyatakan masalah guru bukan opsyen mengajar Pendidikan Moral dan kekurangan guru opsyen Pendidikan Moral. Oleh sebab kekurangan guru opsyen Pendidikan Moral, guru bukan opsyen terpaksa mengajar subjek ini. Mereka tidak mempunyai

pengalaman dan kemahiran mengajar Pendidikan Moral dan tidak diberi pendedahan sebelum mengajar subjek tersebut.

Sikap pelajar tidak mementingkan Pendidikan Moral, pengaruh bahasa ibunda, pelajar tidak memahami dan menguasai nilai-nilai pelajar dan pelajar tidak memberi tumpuan merupakan masalah yang dialami oleh dua orang responden dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Akhir sekali, seorang responden menyatakan bahawa kurang bahan rujukan untuk guru dan suasana bilik darjah yang tidak selesa adalah masalah yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral.

Menurut Jadual 2 pula, terdapat lima belas cara mengatasi masalah PdP Pendidikan Moral di sekolah menengah. Penyelidik mendapati semua responden berpendapat bahawa cara mengadakan taklimat, seminar dan kursus dapat mengatasi masalah PdP Pendidikan Moral. Taklimat dan kursus dalam perkhidmatan yang dijalankan di peringkat daerah dan negeri dapat membantu guru Pendidikan Moral meningkatkan ilmu pengetahuan yang dapat diaplikasikan semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Namun, taklimat, kursus dan seminar yang berkaitan dengan Pendidikan Moral jarang diadakan. Taklimat, kursus dan seminar amat diperlukan dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kepada guru bukan opsyen. Seterusnya, cara mempelbagaikan kaedah pengajaran juga dinyatakan oleh semua responden untuk mengatasi masalah PdP Pendidikan Moral. Guru berpendapat bahawa tiada suatu kaedah spesifik yang efektif dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran. Sebaliknya kesesuaian kaedah yang digunakan bagi setiap topik, tahap penguasaan pelajar dan penglibatan mereka dalam aktiviti pembelajaran merupakan faktor yang menentukan pembelajaran yang efektif. Kaedah pengajaran dan pembelajaran perlu dipelbagaikan seperti perbincangan dalam kumpulan, main peranan, simulasi, kuiz, lakonan, projek, buku skrap dan penggunaan ICT.

Program peningkatan juga merupakan salah satu cara yang dinyatakan oleh semua responden. Program-program peningkatan yang dicadangkan oleh responden kepada pelajar melibatkan program kemasyarakatan, bengkel teknik menjawab, program baik perilaku, minggu moral, kelas tambahan berfokus peperiksaan dan kem moral. Setiap program yang dirancang harus difokuskan kepada kumpulan pelajar cemerlang, sederhana dan lemah. Seorang responden berpendapat bahawa lawatan penanda aras dan program *learning community* juga memberi pendedahan dan idea-idea kepada guru untuk proses PdP. Selain itu, penyelidik mendapati bahawa semua responden berpendapat sokongan pihak pentadbir amat diperlukan untuk pengajaran dan pengajaran. Pihak pentadbir memberi sokongan terhadap pembelajaran moral di sekolah dengan menyediakan bilik khas bagi memudahkan pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar. Seorang responden menyatakan sokongan pihak pentadbir sekolah adalah kurang memuaskan. Responden mencadangkan bahawa pihak sekolah perlu memberi kerjasama dari segi masa, peruntukan, memberi perhatian terhadap aktiviti yang melibatkan sahsiah pelajar, memberi sokongan kepada lawatan dan kempen dari pihak luar.

Penggunaan ICT dalam PdP adalah cara yang dapat mengatasi masalah PdP. Semua responden menyatakan bahawa penggunaan ICT sangat penting dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-21. Tayangan video yang berkaitan dengan nilai, slaid dan *frog VLE* meningkatkan lagi minat pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru harus mengetahui pengetahuan tentang ICT bagi memudahkan proses PdP. Penyediaan BBM yang menarik juga dapat mengatasi masalah PdP moral. Seramai tiga orang rseponden berpendapat bahawa tayangan video, slaid dan gambar akan menarik minat pelajar untuk belajar. Penyelidik mendapati empat orang responden berpendapat bahawa aktiviti PdP harus dirancang mengikut tahap kebolehan pelajar supaya meningkatkan minat terhadap mata pelajaran Pendidikan Moral. Aktiviti yang dicadangkan oleh responden melibatkan lawatan ke rumah orang tua, gotong-royong, persembahan tarian pelbagai bangsa, kuiz, reka cipta, melukis poster,

tayangan, perbincangan dalam kumpulan dan pembentangan. Aktiviti-aktiviti yang berpusatkan pelajar dapat meningkatkan minat pelajar dalam mengikuti mata pelajaran Pendidikan Moral.

Pemberian ganjaran kepada guru dapat meningkatkan motivasi guru. Seorang responden berpendapat bahawa guru-guru perlu diberi ganjaran bagi meningkatkan motivasi apabila mencapai sesuatu kecemerlangan seperti sijil penghargaan guru berinovatif, kreatif dan kritis, guru cemerlang sempena hari guru peringkat negeri dan kebangsaan. Seorang responden juga berpendapat bahawa pemberian ganjaran kepada pelajar juga meningkatkan lagi minat terhadap PdP Pendidikan Moral. Guru boleh memberi ganjaran seperti pujian dan hadiah kepada pelajar yang mencapai tahap kecemerlangan. Dua orang responden berpendapat bahawa Kementerian harus menyediakan bahan rujukan seperti modul, buku dan bahan internet dan alat bantu mengajar untuk PdP Pendidikan Moral. Seorang responden menyatakan bahawa lawatan dapat memberi pengalaman sebenar kepada pelajar. Seorang responden berpendapat mewujudkan kelas kondusif, hubungan mesra dengan pelajar dan menyediakan bilik khas moral dapat mengatasi masalah PdP Pendidikan Moral.

Jadual 2. Cara mengatasi masalah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral

Cara-cara mengatasi masalah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral	Cara-cara mengatasi yang diberi oleh guru yang dikaji (jawapan responden)						Jumlah
	R1	R2	R3	R4	R5	R6	
1. Mengadakan taklimat, seminar dan kursus	/	/	/	/	/	/	6
2. Sokongan pihak pentadbir	/	/	/	/	/	/	6
3. Penggunaan ICT dalam pdp	/	/	/	/	/	/	6
4. Mempelbagaikan kaedah pengajaran	/	/	/	/	/	/	6
5. Mengadakan program peningkatan	/	/	/	/	/	/	6
6. Merancang aktiviti berdasarkan kebolehan pelajar	/	/	/	/	/	/	4
7. Menyediakan BBM yang menarik			/	/		/	3
8. Menyediakan bahan rujukan kepada guru				/		/	2
9. Menyediakan bilik khas moral		/					1
10. Pemberian ganjaran kepada guru			/				1
11. Mewujudkan kelas kondusif			/				1
12. Mempunyai hubungan mesra dengan pelajar	/						1
13. Menganjurkan lawatan					/		1
14. Pemberian ganjaran kepada pelajar						/	1
15. Kemudahan infrastruktur dan prasarana			/				1

Perbincangan

Penyelidik mendapati masalah utama yang dihadapi ialah pelajar tidak dapat mengaitkan nilai dengan keadaan sebenar. Pelajar tidak memahami dan menguasai nilai-nilai dan kegagalan dalam memberi penerangan tentang isu-isu moral menyebabkan pelajar gagal

mengaplikasikan nilai dalam keadaan sebenar. Dapatan kajian ini menyokong Straughan (1988) bahawa masalah utama mata pelajaran Pendidikan Moral adalah terdapat jurang antara pemikiran moral dengan tingkah laku moral, iaitu pelajar tidak berjaya mengaplikasikan nilai-nilai yang dipelajari dalam kehidupan mereka. Menurut Tan, Rahimah dan Zuraini (2015), guru harus mewujudkan suatu iklim bilik darjah yang sesuai supaya pelajar dapat mengintegrasikan nilai-nilai yang dipelajari dalam kehidupan seharian. Guru perlu mengambil inisiatif mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk membantu pelajar bertingkah laku berdasarkan tindakan yang betul dalam kehidupan.

Kekurangan bahan bantu mengajar (BBM) dan peralatan memberi kesan negatif terhadap kesediaan dan motivasi guru dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran. Ia juga secara tidak langsung boleh menyebabkan pelajar tidak berminat untuk memberi tumpuan semasa guru mengajar. Bahan bantu mengajar mendorong pelajar-pelajar terlibat secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran, bahkan dapat meningkatkan variasi dalam teknik pengajaran. Menurut Jasmi, Ilias, Tamuri dan Hamzah (2011), penggunaan BBM masih tidak efektif disebabkan oleh kekangan masa, tenaga dan wang yang dihadapi oleh guru untuk menyediakannya. Hal ini menyebabkan guru bergantung sepenuhnya kepada buku teks sebagai BBM dalam pengajaran dan pembelajaran kerana kekurangan bahan rujukan untuk guru Pendidikan Moral. Oleh itu, guru harus berusaha dalam mencari dan menghasilkan BBM untuk menarik minat pelajar serta meningkatkan motivasi untuk memberi perhatian kepada pengajaran guru.

Guru tidak menguasai penyampaian pengajaran juga menjadi masalah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral terutamanya dalam kalangan guru bukan opsyen Moral. Mahadir dan Noor Banu (2008) menyatakan persediaan guru Pendidikan Moral tidak memuaskan. Sesetengah guru hanya melihat dan membaca kandungan dalam buku teks. Terdapat juga guru yang tidak mengajar langsung Pendidikan Moral dan menggunakan waktu itu untuk mengajar subjek lain. Menurut Abdul Rahman (1986), guru yang mengajar Pendidikan Moral harus mempunyai asas ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan mata pelajaran Pendidikan Moral. Zakaria (2011) pula menyatakan pemahaman tentang konsep dan fungsi PdP memudahkan cara penyampaian guru kepada bentuk yang mudah difahami oleh pelajar.

Seterusnya, penyelidik mendapati bahawa mempelbagaikan kaedah pengajaran merupakan cara yang paling efektif untuk mengatasi masalah PdP Pendidikan Moral. Guru harus mengambil kira saranan Pusat Perkembangan Kurikulum (2004) tentang kepelbagaian kaedah dan strategi pengajaran di dalam bilik darjah. Kebolehan guru dalam merancang pelbagai kaedah dan teknik dapat meningkatkan minat, motivasi dan pencapaian pelajar. Setiap aktiviti yang dirancang harus mengambil kira tahap kebolehan pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti. Nadarajan dan Vishalache (2014) mendapati bahawa pengurusan teater forum merupakan salah satu kaedah yang interaktif dalam PdP Pendidikan Moral yang mendorong pelajar mengolah skrip, berdialog, terlibat dalam forum, berlakon dan meluahkan idea.

Dalam kajian ini juga penyelidik mendapati cara mengadakan taklimat, seminar dan kursus akan mengatasi masalah PdP. Para guru memerlukan bimbingan melalui kursus dan bengkel untuk mengatasi kelemahan guru dalam menguasai penyampaian pengajaran Pendidikan Moral. Di samping itu, ia dapat meningkatkan kemahiran pedagogi para guru dalam mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral. Kursus dan bengkel juga boleh membantu guru mengetahui pelbagai pendekatan, teknik, kaedah untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral. Sokongan pihak pentadbir sekolah amat penting dalam keberkesanan program peningkatan yang dirancang oleh panitia Pendidikan Moral. Program yang dirancang memerlukan peruntukan, tenaga dan masa. Oleh itu, pentadbir sekolah harus berganding bahu dengan panitia Pendidikan Moral untuk mengatasi masalah PdP Pendidikan Moral.

Selain itu, menggalakkan penggunaan bahan bantu mengajar yang kreatif dan menarik merupakan satu lagi cara yang sesuai dicadangkan oleh guru untuk mengatasi masalah dalam pengajaran dan pembelajaran. Kepelbagaian bahan bantu mengajar terutamanya penggunaan ICT dapat menarik minat pelajar mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Kenyataan ini disokong oleh Abdul Rasid dan Arbaie (2001), iaitu guru-guru perlu memilih bahan bantu mengajar yang sesuai bagi menghasilkan pengajaran yang berkesan. Seterusnya, Abdul Rahim (2005) menyatakan guru-guru perlu memilih kreatif dalam menyediakan atau memilih bahan pengajaran yang sesuai untuk mencungkil minda pelajar. Oleh itu, guru-guru perlu merancang untuk memilih bahan pengajaran yang sesuai bagi mewujudkan suasana yang kondusif serta dapat menarik minat pelajar untuk menguasai Pendidikan Moral.

Pemberian ganjaran kepada guru dan pelajar akan meningkatkan motivasi dalam proses PdP. Contohnya, memberi peneguhan positif seperti ganjaran dalam bentuk hadiah diberikan kepada pelajar-pelajar. Hal ini kerana peneguhan positif akan membawa keseronokan dalam diri pelajar-pelajar dan ia secara tidak langsung akan melahirkan minat untuk menguasai Pendidikan Moral dengan baik. Malah, pemberian pujian dan anugerah seperti Guru Cemerlang dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang meningkatkan motivasi guru untuk merancang dan melaksanakan proses PdP Pendidikan Moral dengan lebih efektif.

Kesimpulan

Usaha, komitmen dan kesediaan guru untuk mentransformasikan pengajaran mereka agar bersesuaian dengan tahap penguasaan pelajar-pelajar Pendidikan Moral merupakan salah satu faktor utama yang akan menyumbang ke arah merealisasikan pencapaian matlamat falsafah pendidikan negara. Namun, bukan semua faktor penyumbang terletak di bahu guru. Malahan, komitmen, kerjasama dan keprihatinan semua pihak, khususnya warga KPM, ibu bapa dan masyarakat yang terlibat secara langsung dengan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral adalah perlu bagi memastikan segala yang dirancang dilaksanakan dan permasalahan dapat diselesaikan. Oleh itu, kita perlu berganding bahu mengatasi masalah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral sejak di peringkat sekolah rendah lagi. Semoga dengan adanya kajian ini akan dapat membantu mana-mana pihak yang terlibat dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral dalam meningkatkan pencapaian pelajar seterusnya melahirkan masyarakat bersahsiah di Malaysia.

References

- Abdul Rahim, A.R. (2005). *Profesionalisme keguruan: prospek dan cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman A. (1986). *Pengenalan pendidikan moral*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Abdul Rasid, J., & Arbaie S. (2001). *Media pengajaran: Pengajaran bahasa dan sastera*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Gary, F, Richard. O., & Matthew, S. (2009). Teaching orally and teaching morality. *Teacher Education Quarterly*, 36(3). 7-19.
- Jasmi, K. A., Ilias, M. F., Tamuri, A. H., & Hamzah, M. I. (2011). Amalan penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru cemerlang pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(1), 59-74. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Kalaiselvi, E, Nur Surayyah, M.A., & Umi Kalthom, A.M. (2015). Guru cemerlang pendidikan moral: keperluan menguasai aspek kandungan dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan moral dan implikasinya. *International Journal of Education and Training* 1(2), 1-8.
- Liau, A. K., Liau, A. W. L., Teoh, G. B. S., & Liau, M. T. L. (2003). The case for emotional literacy: the influence of emotional intelligence on problem behaviours in Malaysian secondary school students. *Journal of Moral Education*, 32(1), 51-66.
- Mahadir, N., & Noor Banu. (2008). *Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Moral)*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris (Laporan projek yang tidak diterbitkan).
- Nadarajan, T., & Vishalache B. (2014). Pengurusan teater forum: satu inovasi teknik dalam pedagogi pendidikan moral di sekolah menengah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 1(2), 38-51.
- Nur Munirah, Chua, C. T., & Abdul Pabil, A. (2016). *Pendidikan moral tingkatan 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ogoma, D., Alaiyemola, & Anne. (2015). Prospects and problems of teaching moral instructions in primary and secondary schools in Nigeria. *International Journal of Capacity Building in Education and Management*, 2(3).
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2004). *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral Tingkatan Empat*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- See Tho, L. Y. (2008). *Reflections on changing the mindset of a Moral Education*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sidek, M.N. (2002). *Reka bentuk penyelidikan: falsafah, teori dan praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia. Penerbit Info Meditasi Sdn. Bhd.
- Straughan R. (1988). *Can we teach children to be good?* London: Open University Press.
- Suppiah N. (2016). *Kaedah hermeneutik: kaedah interpretasi teks secara kualitatif*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Tan, B.P., Rahimah, W., & Zuraini J. (2015). Peranan guru dalam membina iklim moral dalam bilik darjah. *Jurnal Sains Sosial Kemanusiaan*, 7(3). 87-95. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Vishalache, B. (2002). *Penggunaan dilema real-life dalam pengajaran Pendidikan Moral*. Tesis sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Vishalache, B. (2010). The development of moral education in Malaysia. *Asia Pacific: Journal of Educators and Education*, 25, 89–101.
- Vishalache, B. (2007). Kesan menggunakan dilema kehidupan sebenar dalam pengajaran-pembelajaran pendidikan moral. *Jurnal Masalah Pendidikan*, 30(1), 101-112. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakaria, Z. (2011). *Guru Biologi permulaan dan berpengalaman: satu kajian kes*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan).

Problems in teaching and learning of Moral Education in secondary schools and solutions through Hermeneutics method

Suppiah Nachiappan¹, Barathy Sinnasamy² and Sandra Suffian³

^{1&3}*Sultan Idris Education University, Malaysia, ²S.M.K. Sungkai, Sungkai, Perak*

This research is carried out to first, identify the actual problems faced by teachers in the teaching and learning of Moral Education and then to seek solutions to overcome it. Questionnaires were distributed to 6 respondents who taught Moral Education in several secondary schools in Batang Padang District. The findings were analyzed qualitatively by using a Hermeneutics method. The study found that the main problems faced by teachers were: 1) the students were not able to relate the values learned to the real life, 2) teachers failed in mastering the teaching and learning processes of Moral Education and, 3) the lack of teaching aids to assist in the teaching and learning process. Results showed that the problems of teaching and learning Moral Education could be solved if teachers took greater initiatives by varying teaching methods to attract students' interest. The Ministry of Education and the school administrators should give their support by organizing special programs, seminars and courses for teachers and upgrading the teaching aids to enable the teaching and learning processes to be carried out successfully.

Keywords: Moral Education, Hermeneutics Method, problems in teaching and learning